



Bersama  
Prof Dr Taufiq  
Yap Yun Hin

Keadilan dalam Islam mencakupi semua aspek meliputi sosial, undang-undang, politik, budaya dan ekonomi.

Ia membentuk peribadi seseorang manusia dalam pembinaan masyarakat yang harmoni. Keadilan Islam adalah bersifat sejagat iaitu bukan hanya untuk orang Islam semata-mata tetapi juga meliputi seluruh manusia tanpa mengira keturunan, warna kulit dan agama.

Ini termasuklah individu yang amat dibenci atau musuh dalam peperangan. Keadilan Islam memeli-

hara hak individu dan mencegah sebarang pencerobohan ke atas hak manusia yang berkaitan dengan diri dan segala harta benda.

Keadilan bermakna individu atau masyarakat yang layak mendapat sesuatu, maka ia perlu diberi atau diagihkan mengikut kelayakan agar amanah yang diberikan itu dapat diurus dengan sempurna. **(Nazri Muslim dan rakan2, 2011)**

Keadilan yang terlaksana akan dapat menghapuskan segala bentuk kezaliman yang juga tugas utama rasul yang diutuskan kepada manusia.

Dalam hidup bermasyarakat, apatah lagi dalam masyarakat majmuk di

Malaysia, keadilan mestilah berdasarkan kepada kebenaran.

Islam melarang membezakan pelaksanaan keadilan dalam masyarakat disebabkan oleh perbezaan anutan agama dan kepercayaan.

Islam juga melarang hukuman ke atas pihak yang tertentu yang disebabkan faktor kebencian. **(Mohammad Nidzam Abdul Kadir, 2017)**

Firman Allah SWT yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebenaran kamu terhadap se-

suatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa.

Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan." **(Surah al-Maaidah: 8)**

Dalam satu peristiwa yang terjadi kepada Khalifah Ali bin Abu Talib, beliau menjumpai baju besi yang hilang berada bersama seorang lelaki bukan Islam.

Khalifah Ali cuba untuk mendapatkan semula baju itu, tetapi dinafikan oleh lelaki berkenaan sambil menegaskan baju besi itu

adalah miliknya. Kes itu kemudian dibawa ke muka pengadilan dan Hakim Syurairh al-Qadhi menjadi hakimnya. Hakim Syurairh al-Qadhi yang mengadili kes itu meminta Khalifah Ali membawa bukti.

Bagaimanapun, Khalifah Ali mengakui beliau tidak mempunyai bukti yang baju besi itu adalah miliknya. Beliau cuma ada dua orang saksi iaitu seorang hambanya bernama Qanbar dan anaknya, Hassan.

Persaksian hambanya diterima. Bagaimanapun, persaksian anaknya, Hassan ditolak. Hakim Syurairh menolak persaksian seorang anak kepada bapanya.

Akhirnya, Hakim Syu-

raih membuat keputusan bahawa baju besi itu adalah kepunyaan lelaki bukan Islam itu.

Lelaki itu berasa sangat gembira dengan keputusan penghakiman. Beliau sangat kagum dengan sikap Hakim Syurairh yang menghukum secara adil tanpa rasa takut untuk memihak kepada seorang ketua negara.

Lelaki bukan Islam ini lantas melafazkan persaksian bahawa Allah adalah Tuhannya dan Nabi Muhammad pesuruh Allah.

Oleh itu, keadilan adalah akhlak Islam yang mesti diamalkan dalam semua aspek kehidupan.

**Penulis Presiden  
Persatuan Cina Muslim  
Malaysia (MACMA) dan  
Profesor di Universiti  
Putra Malaysia**

## Agama Islam junjung tinggi keadilan